



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MARIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPM 53/2004

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-33467777

Fax: 03-3168 5289, 3167 2882

E-mail: kpgr@marine.gov.my

<http://www.marine.gov.my>

SIJIL PENGAWASAN ANJUNG DAN KURSUS KECEKAPAN GELADAK
BRIDGE WATCHKEEPING CERTIFICATE AND EFFICIENT DECKHAND COURSE

Pemakluman kepada pemilik kapal, Nakhoda, pegawai-pegawai kapal, pelaut-pelaut dan institusi latihan maritim

Information to ship owners, Master, ship's officers, seafarers and maritime training institution

1. Menurut Kaedah 9(2)(c) Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 dan dijelaskan di dalam Nota Maklumat dan Panduan Marin 49/2003 (NMPM 49/2003) setiap pelaut hendaklah memperolehi Sijil Pengawasan Anjung sebelum Perakuan Kekompetenan bagi Pegawai yang Menjaga Awasan Pelayaran 500 GT atau lebih bagi pelayaran tanpa had atau pelayaran persisiran pantai boleh dikeluarkan oleh Jabatan Laut. Susulan dari itu, setiap pelaut hendaklah telah menjalani tugas pengawasan anjung tidak kurang dari 6 bulan sebelum permohonan bagi perakuan berkenaan boleh dibuat di Jabatan Laut.

2. Adalah menjadi tanggungjawab Nakhoda kapal untuk memastikan bahawa pelaut termasuk pegawai kadet geladak telah menjalankan tugas pengawasan anjung minimum yang dikehendaki. Nakhoda juga bertanggungjawab untuk mengeluarkan Sijil Pengawasan Anjung kepada pelaut-pelaut yang telah tamat menjalankan tugas pengawasan anjung yang dikehendaki. Nakhoda hendaklah memastikan pelaut-pelaut dibawah penyeliaannya atau di bawah penyeliaan pegawai yang berkelayakan di atas kapal telah menjalankan tidak kurang dari 4 jam tugas pengawasan anjung di dalam sehari semasa kapal berada di laut.

3. Pelaut-pelaut adalah diperingatkan bahawa mereka juga perlu memastikan mereka telah memperolehi Sijil Pengawasan Anjung daripada Nakhoda sebelum menamatkan perkhidmatan di atas kapal.

1. In accordance with Rule 9(2)(c) of the Merchant Shipping (Training and Certification) Rules 1999 and explained in Marine Information and Guidance Note 49/2003 (NMPM 49/2003) every seafarer must obtain a Bridge Watchkeeping Certificate before a Certificate of Competency for Officer in Charge of a Navigational Watch of 500 GT or more for unlimited or near coastal voyage can be issued by the Marine Department. Following from the above, every seafarer must have performed a minimum of 6 months bridge watchkeeping duty before any application for the relevant certificate of competency can be made to the Marine Department.

2. It is the responsibility of the Master of every vessel to ensure that any seafarer including deck cadet officers has performed the necessary minimum bridge watchkeeping duties. The Master is also responsible to issue the Bridge Watchkeeping Certificate to seafarers who have completed the necessary watchkeeping duties. The Master must ensure that seafarers under his supervision or under the supervision of a certificated officer on board have undergone not less than 4 hours a day of bridge watchkeeping duties while the vessel is at sea.

3. Seafarers are reminded that they must also ensure that they have obtained the Bridge Watchkeeping Certificate from the Master before signing off from the vessel.

4. Tambahan dari di atas, pelaut-pelaut yang hendak meningkatkan pengetahuan di dalam bidang kecekapan geladak dinasihatkan menghadiri kursus di dalam kecekapan geladak yang dikendalikan oleh mana-mana institusi latihan yang telah diluluskan oleh Jabatan Laut.

4. In addition to the above, seafarers that want to enhance their knowledge on deck proficiency is advised to attend a course in deck hand efficiency conducted by any maritime training institution that is approved by the Marine Department.

Timbalan Ketua Pengarah Laut / Deputy Director General of Marine
b.p Ketua Pengarah Laut / for Director General of Marine
Tarikh / Date: 22 April 2004

